

# DYNA LAXATIVE PILL

Bisacodyl (5 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dyna Laxative Pill
2. Bagaimana Dyna Laxative Pill berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dyna Laxative Pill
4. Cara menggunakan Dyna Laxative Pill
5. Semasa menggunakan Dyna Laxative Pill
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Laxative Pill
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dyna Laxative Pill

Digunakan untuk rawatan sembelit dan pembuangan najis sebelum menjalani prosedur atau pembedahan.

## Bagaimana Dyna Laxative Pill berfungsi

Bisacodyl dikenali sebagai laksatif perangsang. Ia berfungsi dengan meningkatkan pergerakan usus, membantu najis keluar.

## Sebelum menggunakan Dyna Laxative Pill

### - Bila tidak boleh menggunakan

Dyna Laxative Pill tidak boleh digunakan jika anda mempunyai masalah sekatan usus, kesakitan abdomen, loya atau muntah-muntah.

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Jangan ambil Dyna Laxative Pill jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung terutama dalam trimester pertama. Jangan ambil Dyna Laxative Pill jika anda sedang menyusukan anak.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Dyna Laxative Pill.

### - Sebelum mula menggunakan Dyna Laxative Pill

Beritahu doktor jika anda hipersensitif pada Bisacodyl dan bahan-bahan lain yang disenaraikan dalam risalah.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Penggunaan yang serentak antara antasid dan produk tenusu boleh menyebabkan ketidakhadaman dan iritasi gastrik.

Penggunaan diuretik atau corticosteroids boleh meningkatkan risiko ketidakseimbangan garam apabila diambil secara berlebihan.

## Cara menggunakan Dyna Laxative Pill

### - Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak 6 tahun dan ke atas: 1 tablet

Dewasa: 2 tablet

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Untuk diambil sebelum waktu tidur.

Jangan kunyah tablet. Telan tablet dengan segelas air. Jangan melebihi dos yang ditetapkan melainkan dinasihat oleh doktor. Susu dan antasid tidak boleh diambil dalam masa 1 jam.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dyna Laxative Pill untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Elakkan penggunaan yang berpanjangan.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika dos yang tinggi diambil, cirit-birit, kekejangan bahagian abdomen dan kehilangan kalium dan garam lain boleh

berlaku dan juga meningkatkan sensitiviti pada cardiac glycoside (sebatian organik).

Dos berlebihan yang berpanjangan boleh menyebabkan penghasilan hormon aldosterone yang berlebihan dan batu karang.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Dyna Laxative Pill

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna Laxative Pill.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dyna Laxative Pill kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan penggunaan jangka panjang.

## Kesan-kesan sampingan

Bisacodyl boleh menyebabkan ketidakselesaan abdomen. Penggunaan jangka panjang boleh mengakibatkan cirit-birit, lemah otot dan kehilangan berat badan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting*

# DYNA LAXATIVE PILL

Bisacodyl (5 mg)

*Side Effects to Medicines (ConSERF)  
or Vaccines (AEFI).*

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### Dyna Laxative Pill

#### - Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak

Lindungi daripada cahaya

Simpan di tempat kering di bawah 30°C

Pastikan bekas ditutup rapat.

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet berwarna oren berbentuk bulat dan dwi cembung, bersalut enterik

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Bisacodyl

- Bahan-bahan tidak aktif

Deionized Water, Raspberry Red,  
Chloroform Spirit, Sunset Yellow Lake,  
Titanium Dioxide, Magnesium Stearate,  
PVAP (Polyvinyl Acetate Phthalate),  
Methocel E15LV & White Base

### - Nombor MAL

MAL20014531XZ

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran

### Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

15/09/2018

## Nombor siri:

NPRA(R4/1)130918/00259